

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Jumaat, 23 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN MAC 2025

**Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang walaupun perlahan,
dengan Indeks Pelopor mencatatkan peningkatan 0.6 peratus pada Mac 2025**

PUTRAJAYA, 23 Mei 2025 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Mac 2025**. Indeks Pelopor (IP) memberi petunjuk awal tentang titik perubahan dalam kitaran perniagaan dan arah tuju ekonomi bagi tempoh terdekat.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "IP bertambah baik pada Mac 2025, meningkat sebanyak 0.6 peratus dengan 112.5 mata berbanding 111.9 mata pada tahun sebelumnya (**Paparan I**). Bilangan Unit Kediaman Yang Diluluskan Pembinaan (27.8%) dan Import Benar Semi Konduktor (22.3%) telah menyumbang secara positif kepada kenaikan ini. Walau bagaimanapun, pada asas bulanan, IP mencatatkan penurunan marginal 0.04 peratus yang dipengaruhi oleh prestasi yang kurang memberangsangkan terutamanya dalam Indeks Perusahaan Bursa Malaysia dan Import Benar Semi Konduktor, masing-masing mencatatkan penurunan 0.2 peratus".

Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Mac 2025, IP kekal berada di bawah 100.0 mata (**Paparan II**). Namun begitu, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang walaupun perlahan, disokong oleh asas ekonomi yang kukuh dan pengurusan fiskal yang proaktif.

Sementara itu, Indeks Serentak (IS) yang mengukur prestasi ekonomi semasa secara keseluruhan meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 126.8 mata pada Mac 2025 berbanding 125.1 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan menyeluruh merentas semua komponen IS kecuali Nilai Caruman Benar, KWSP. Sebaliknya, prestasi bulanan IS menurun 0.2 peratus pada Mac 2025, disebabkan terutamanya oleh penurunan 0.3 peratus dalam Kapasiti Penggunaan dalam Pembuatan.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
23 MEI 2025

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

